

USM, USIM rangkul emas di London



PELAJAR USM (dari kiri), Muhammad Razif, Meor Muhammad Hafiz, Poh Siang dan Syuhairah menunjukkan pingat emas yang dimenangi di kampus USM, Pulau Pinang semalam.

Oleh ZAKI SALLEH
dan AINAA MARDHIAH MOHD. GHAZALI
berita@kosmo.com.my

GEORGE TOWN - Hasil penyelidikan empat pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) menerima pengiktirafan antarabangsa apabila menggondol anugerah pada Pertunjukan Rekaan British di London baru-baru ini.

Kajian penyelesaian semula jadi mesra alam moringa oleifera seeds (MOS) oleh Meor Muhammad Hafiz Shah Budin dan Muhammad Razif Abd. Razak menggondol kemenangan berganda apabila menerima Anugerah Berlian dan Pingat Emas.

Penyelidikan menggunakan tumbuhan moringa oleifera atau nama tempatannya buah merungai berjaya menjimatkan kos operasi rawatan air bersih.

Dua penyelidikan lain iaitu sirap kelapa sawit dalam pengeluaran gula-gula oleh Syuhairah Ahmad dan sistem keselamatan kereta Eyes (Ng Poh Siang) meraih Pingat Emas serta pujian juri daripada Persatuan Reka Cipta British.

Sistem Eyes yang merangkumi kamera bersaiz mikro diintegrasikan bersama sistem perkhidmatan Cloud Google dan dipasang di bahagian papan pemuka hadapan kenderaan.

Kelebihan sistem itu ialah berkemampuan mengesan kedudukan kenderaan yang dicuri termasuk merakam gambar pemandu.

Kesemua ahli pasukan itu dibimbing Dekan Pusat Kejuruteraan Sains Kimia USM, Profesor Latif Ahmad dan pensyarah, Mo-



MUSTAFA (tengah), bersama pelajar USIM (dari kiri), Mohammad Saifullah, Mohamad Wafi, Mohamed Sabri, Zulfawwaz, Mohamad Syafiq, dan Mohd. Akmal menunjukkan anugerah yang dimenangi di Nilai, Negeri Sembilan semalam.



hd. Azam Osman.

Ketika ditemui pada sidang akhbar di sini semalam, Latif memberitahu, kejayaan pelajar USM itu amat membanggakan kerana telah menewaskan penyelidik dari beberapa agensi sains negara ini yang turut menyertai pertandingan tersebut.

Di Nilai, Negeri Sembilan, sekumpulan enam pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) turut berjaya meraih anugerah emas Penciptaan Antarabangsa Tahun Ini di pertunjukkan yang sama di London melalui inovasi tepung berasaskan rebung.

Pelajar tahun empat jurusan Bioteknologi Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi itu turut meraih anugerah khas emas berganda dalam kalangan 10 penerima emas pada pertandingan itu.

Lebih membanggakan, mereka yang merupakan lulusan sekolah agama membuat pencapaian cemerlang itu pada penampilan kali pertama pertandingan yang disertai lebih 100 peserta.

Pasukan itu yang diketuai Zulfawwaz Mohamad turut disertai Mohamad Wafi Shamsudin, Mohamad Syafiq Saifudin, Mohd. Akmal Zakaria, Mohammad Saifullah Mohd. Yusof dan Mohamed Sabri Esa.

Zulfawwaz pada sidang akhbar di sini semalam berkata, pasukannya mengetengahkan produk dikenali tepung bambusia yang merupakan bahan campuran dalam formulasi menghasilkan makanan.

Katanya, tepung bambusia itu digunakan untuk membuat roti, pasta dan biskut.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Mustafa Mohd. Hanefah.